A

SURESHWARAN V RAJOO lwn. KETUA POLIS NEGARA & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
KAMARDIN HASHIM H
[PERMOHONAN JENAYAH NO: 44-129-10-2014]
B 11 DISEMBER 2014

PROSEDUR SIVIL: *Mod memulakan prosiding – Sama ada permohonan sepatutnya dimulakan di bawah A. 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 – Permohonan untuk pembatalan perintah pengawasan polis – Permohonan melalui notis permohonan jenayah – Sama ada penyalahgunaan proses mahkamah*

C

Pemohon memfailkan permohonan melalui satu notis permohonan untuk perintah-perintah, antara lain, (i) membatalkan perintah pengawasan polis di bawah s. 15 Akta Pencegahan Jenayah 1959 ('APJ'); dan (ii) membatalkan dapatan pegawai inkuiri di bawah s. 10(2) APJ. Menurut afidavit sokongan
D permohonan tersebut, alasan-alasan pemohon untuk dibebaskan termasuk bahawa (i) dia tidak diberitahu tentang haknya untuk menyemak semula dapatan pegawai inkuiri; (ii) permohonannya untuk menyemak dapatan pegawai inkuiri tidak dilayan oleh Lembaga Pencegahan Jenayah ('LPJ') dan satu perintah pengawasan polis telah dikeluarkan terhadap pemohon untuk
E tempoh selama tiga tahun di Mukim Parit Bakar, Johor; dan (iii) perintah pengawasan polis tersebut telah dikeluarkan dengan melanggari peruntukan di bawah ss. 10(2) dan 15 APJ. Responden tidak menjawab afidavit sokongan pemohon tetapi telah menyerahkan satu notis niat untuk membangkitkan bantahan awalan terhadap permohonan pemohon dengan asas bahawa
F pemohon sepatutnya membuat permohonan untuk semakan kehakiman di bawah A. 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ('KKM'). Isu untuk dipertimbangkan oleh mahkamah adalah sama ada tindakan pemohon dalam memulakan tindakan ini melalui satu notis permohonan jenayah dan bukannya melalui permohonan untuk semakan kehakiman di bawah A. 53
G KKM merupakan satu penyalahgunaan proses mahkamah.

Diputuskan (membatalkan permohonan):

(1) Permohonan pemohon adalah untuk membatalkan dapatan pegawai inkuiri dan membatalkan perintah pengawasan polis yang telah dikeluarkan oleh LPJ. Matlamat terakhir pemohon dalam notis
H permohonannya ialah agar dia dibebaskan daripada perintah pengawasan polis. Perintah bagi membebaskan seseorang yang berada di dalam sesuatu penjara atau tempat tahanan oleh pihak berkuasa awam hanya dapat dilaksanakan melalui pengeluaran writ *habeas corpus*. Dalam kes ini, pemohon tidak berada dalam tahanan. Oleh itu, permohonan oleh
I pemohon agar dia dibebaskan adalah tidak tepat. (perenggan 10 & 11)

(2) Walaupun APJ membuat peruntukan mengenai pencegahan jenayah, namun tindakan yang dilakukan oleh pegawai inkuiri dan proses yang dilakukan oleh LPJ bukanlah merupakan satu prosiding atau satu perbicaraan jenayah. Tindakan yang dilakukan oleh LPJ lebih merupakan satu tugasan oleh sebuah badan berkuasa awam. Oleh itu, sebarang cabaran terhadap dapatan oleh pegawai inkuiri dan keputusan LPJ hendaklah dimulakan dengan melalui prosedur yang diperuntukkan di bawah A. 53 KKM. Sebarang tindakan menyimpang daripada A. 53 adalah merupakan satu cubaan untuk mengelak daripada mematuhi kehendak-kehendak di bawah A. 53 tersebut dan ianya menjadi suatu penyalahgunaan proses mahkamah. (perenggan 13 & 14)

(3) Permohonan pemohon tergolong di bawah Jadual kepada Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dan di bawah Akta Relief Spesifik 1950, yang mana A. 53 hendaklah terpakai mengikut A. 53 k. 1(1) dan (2). Aturan 53 k. 2(4) juga memperuntukkan bahawa seseorang yang terkilan dengan sebarang keputusan oleh pihak berkuasa awam boleh membuat permohonan melalui prosedur di dalam A. 53 tersebut. (perenggan 15 & 16)

(4) Kesan kepada ketidakpatuhan pemohon terhadap cara mana atau mod untuk memulakan tindakan ini adalah merupakan satu penyalahgunaan proses mahkamah. Mod untuk permohonan pemohon sepatutnya melalui A. 53, dan bukan melalui pemfailan notis permohonan jenayah seperti yang telah dipilih oleh pemohon. Apabila berlakunya penyalahgunaan proses mahkamah, maka tindakan pemohon wajar dibatalkan atas sebab ianya mendatangkan ketidakadilan kepada pihak responden-responden. (perenggan 20)

Kes-kes yang dirujuk:

Ahmad Jefri Mohd Jahri v. Pengarah Kebudayaan & Kesenian Johor & Ors [2010] 5 CLJ 865 FC ***(dirujuk)***

Ahmed Ibrahim Bilal v. Ketua Polis Negara & Ors [2011] 1 CLJ 85 CA ***(dirujuk)***

Arab Malaysian Finance Bhd v. Steven Phoa Cheng Loon & Ors [2003] 1 CLJ 585 CA ***(dirujuk)***

Boddington v. British Transport Police [1999] 2 AC 143 ***(dirujuk)***

DPP v. Hutchinson [1990] 2 AC 783 ***(dirujuk)***

Ketua Pengarah Imigresen Malaysia lwn. Heng Peo [2007] 2 CLJ 111 CA ***(dirujuk)***

Mohamad Ezam Mohd Nor & Ors v. Menteri Dalam Negeri & Anor [2003] 2 CLJ 459 HC ***(dirujuk)***

O'Reilley v. Mackman [1983] 2 AC 237 ***(dirujuk)***

Pengarah Kastam Negeri Johor & Anor v. Kedai Makan Kebun Teh (Sutera Utama) Sdn Bhd & Ors and Another Appeal [2014] 3 CLJ 733 CA ***(dirujuk)***

Robert Cheah Foong Chiew v. Lembaga Jurutera Malaysia [2009] 1 CLJ 192 CA ***(dirujuk)***

Subramaniam Vythilingam v. The Human Rights Commission of Malaysia (SUHAKAM) & Ors [2003] 6 CLJ 175 HC ***(dirujuk)***

TR Rumah Lampoh Dana & Ors v. Government of Sarawak [2005] 8 CLJ 705 HC ***(dirujuk)***

Yahya Kassim v. Kerajaan Malaysia [1998] 1 CLJ 43 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Prevention of Crime Act 1959, ss. 7B, 8, 10(2), 15A
Rules of Court 2012, O. 1 r. 2(2), O. 53 rr. (1), (2), 2(4)

Bagi pihak pemohon - N Surendran; T/n Daim & Gamany
Bagi pihak responden - Abazafree Mohd Abbas; Peguam Kanan Persekutuan

Dilaporkan oleh Lyana Shohaimay

PENGHAKIMAN

Kamardin Hashim H:

[1] Ini adalah permohonan pemohon yang difailkan melalui satu notis permohonan di Lampiran 2 untuk mendapatkan perintah-perintah berikut:

(i) Suatu perintah untuk membatalkan Perintah Pengawasan Polis di bawah s. 15 Akta Pencegahan Jenayah 1959 yang bertarikh 29 Mei 2014 yang dibuat oleh responden kedua;

(ii) Suatu perintah untuk membatalkan dapatan pegawai inkuiri di bawah s. 10(2) Akta Pencegahan Jenayah 1959 yang bertarikh 5 Mei 2014;

(iii) Pemohon dibawa ke Mahkamah Mulia ini dan dibebaskan; dan

(iv) Apa-apa relief yang Mahkamah Mulia ini fikir suai manfaat.

[2] Permohonan pemohon disokong oleh afidavit sokongan oleh pemohon sendiri bertarikh 28 Ogos 2014, menyatakan alasan-alasan bagi permohonan pemohon. Secara ringkasnya, alasan-alasan bagi permohonan pemohon untuk dibebaskan adalah:

(a) Beliau tidak diberitahu tentang hak beliau untuk menyemak semula dapatan pegawai inkuiri;

(b) Permohonan beliau untuk menyemak dapatan pegawai inkuiri tidak dilayan oleh Lembaga Pencegahan Jenayah dan satu Perintah Pengawasan Polis telah dikeluarkan terhadap beliau untuk tempoh selama tiga tahun di Mukim Parit Bakar, Muar, Johor; dan

(c) Perintah Pengawasan Polis tersebut telah dikeluarkan dengan melanggari peruntukan di bawah s. 10(2) dan s. 15 Akta Pencegahan Jenayah 1959.

[3] Pihak responden-responden tidak menjawab kepada afidavit sokongan yang difailkan oleh pemohon. Sebaliknya, pihak responden-responden melalui Peguam Kanan Persekutuan, Kementerian Dalam Negeri telah menyerahkan satu notis niat untuk membangkitkan bantahan awalan terhadap permohonan pemohon.

[4] Saya telah mendengar hujahan pihak-pihak atas isu yang telah dibangkitkan oleh Peguam Kanan Persekutuan, Encik Abazafree bin Mohd Abbas dalam bantahan awalan beliau. Saya telah menegakkan bantahan awalan Peguam Kanan Persekutuan dan memerintahkan permohonan pemohon dibatalkan dengan tanpa mendengar merit permohonan pemohon.

[5] Asas kepada bantahan Peguam Kanan Persekutuan tersebut adalah bahawa tindakan pemohon dalam memulakan tindakan ini melalui satu notis permohonan jenayah adalah merupakan suatu penyalahgunaan proses Mahkamah yang mana tindakan pemohon sepatutnya dibuat melalui permohonan untuk semakan kehakiman di bawah A. 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 [P.U.(A) 205]. Dihujahkan bahawa apa-apa permohonan untuk mencabar sesuatu keputusan pihak berkuasa awam hanya boleh dibuat melalui semakan kehakiman di bawah A. 53.

[6] Encik Abazafree telah merujuk dan berpegang kepada beberapa keputusan dalam kes-kes berikut untuk panduan bagi mahkamah ini menegakkan bantahan awalan beliau:

(a) *Robert Cheah Foong Chiew v. Lembaga Jurutera Malaysia* [2009] 1 CLJ 192; [2009] 1 MLJ 676;

(b) *TR Rumah Lampoh Dana & Ors v. Government of Sarawak* [2005] 8 CLJ 705; [2005] 6 MLJ 371;

(c) *Ahmed Ibrahim Bilal v. Ketua Polis Negara & Ors* [2011] 1 CLJ 85;

(d) *Mohamad Ezam Mohd Nor & Ors v. Menteri Dalam Negeri & Anor* [2003] 2 CLJ 459; [2003] 2 MLJ 364;

(e) *Yahya Kassim v. Kerajaan Malaysia* [1998] 1 CLJ 43; [1997] 3 MLJ 749;

(f) *Arab Malaysian Finance Bhd v. Steven Phoa Cheng Loon & Ors* [2003] 1 CLJ 585;

(g) *Subramaniam Vythilingam v. The Human Rights Commission of Malaysia (SUHAKAM) & Ors* [2003] 6 CLJ 175;

(h) *Ahmad Jefri Mohd Jahri v. Pengarah Kebudayaan& Kesenian Johor & Ors* [2010] 5 CLJ 865; [2010] 3 MLJ 145;

(i) *Pengarah Kastam Negeri Johor & Anor v. Kedai Makan Kebun Teh (Sutera Utama) Sdn Bhd & Ors and Another Appeal* [2014] 3 CLJ 733; dan

(j) *Ketua Pengarah Imigresen Malaysia lwn. Heng Peo* [2007] 2 CLJ 111.

[7] Encik N Surendran, peguambela terpelajar bagi pemohon sebaliknya berhujah bahawa prosedur semakan kehakiman di bawah A. 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 adalah tidak terpakai kepada prosiding jenayah. Ini adalah jelas daripada A. 1 k. 2(2) yang berbunyi seperti berikut:

> These Rules do not have effect in relation to proceedings in respect of which rules have been or may be made under any written law for the specific purpose of such proceedings or in relation to any criminal proceedings.

[8] Peguambela terpelajar menghujahkan Akta Pencegahan Jenayah 1959 adalah satu Akta yang merupakan sepenuhnya prosiding jenayah. Ini berdasarkan kepada "Tajuk Panjang" Akta tersebut yang menyebutkan "Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai pencegahan jenayah

yang lebih efektif di seluruh Malaysia dan bagi pengawalan penjenayah-penjenayah, anggota-anggota kongsi gelap dan orang-orang lain yang tidak diingini, dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya."

[9] Selanjutnya, Encik N Surendran berhujah bahawa seseorang defendan di dalam prosiding jenayah mempunyai hak untuk mencabar keputusan sebarang pihak berkuasa awam di dalam mana-mana prosiding jenayah. Peguambela terpelajar telah merujuk kepada keputusan House of Lords dalam kes *Boddington v. British Transport Police* [1999] 2 AC 143; *O'Reilley v. Mackman* [1983] 2 AC 237 dan *DPP v. Hutchinson* [1990] 2 AC 783 untuk menyokong hujahan beliau.

[10] Permohonan pemohon di sini adalah untuk membatalkan dapatan pegawai inkuiri dan untuk juga untuk membatalkan Perintah Pengawasan Polis yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Pencegahan Jenayah. Seterusnya, pemohon memohon supaya beliau dibebaskan. Tidak dipertikaikan oleh mana-mana pihak bahawa pegawai inkuiri yang dilantik menurut s. 8 dan Lembaga Pencegahan Jenayah yang ditubuhkan di bawah s. 7B Akta Pencegahan Jenayah 1959 adalah merupakan suatu pihak berkuasa awam.

[11] Matlamat terakhir pemohon di dalam notis permohonan beliau adalah untuk beliau dibebaskan daripada Perintah Pengawasan Polis. Perintah bagi membebaskan seseorang yang berada di dalam sesuatu penjara atau tempat tahanan oleh pihak berkuasa awam hanyalah dapat dilaksanakan melalui pengeluaran writ of *habeas corpus*. Dalam kes ini, pemohon tidak berada dalam tahanan. Sebaliknya, pemohon berada di bawah pengawasan polis di suatu tempat kediaman yang ditentukan dengan dikenakan beberapa syarat yang tertentu. Jelasnya, pemohon tidak secara fizikal berada dalam tahanan. Beliau masih bebas untuk bergerak dengan mematuhi syarat-syarat tertentu yang telah ditetapkan oleh pihak polis. Oleh itu, prayer yang dipohon oleh pemohon untuk beliau dibebaskan adalah tidak tepat.

[12] Seksyen 15A Akta Pencegahan Jenayah 1959 memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Lembaga Pencegahan Jenayah boleh mengambil tindakan melalui proses semakan kehakiman. Walau bagaimanapun, semakan kehakiman tersebut boleh dilakukan terhadap persoalan mengenai pematuhan kepada keperluan prosedur semata-mata. Seksyen 15A Akta memperuntukkan seperti berikut:

> 15A. (1) There shall be no judicial review in any court of, and no court shall have or exercise any jurisdiction in respect of, any act done or finding or decision made by the Board in the exercise of its discretionary power in accordance with this Act, except in regard to any question on compliance with any procedural requirement in this Act governing such act or decision.
>
> (2) In this Act, "judicial review" includes proceedings instituted by way of:

(a) An application for any of the prerogative orders of *mandamus*, prohibition and *certiorari*;

(b) An application for a declaration or an injunction; or

(c) Any other suit, action or other legal proceedings relating to or arising out of any act done or decision made by the Board in accordance with this Act.

[13] Peruntukan itu bagaimanapun tidak menyebutkan cara mana atau prosedur mana yang perlu dipakai dalam membuat permohonan untuk semakan kehakiman tersebut. Encik N Surendran berhujah bahawa cabaran boleh dibuat melalui notis permohonan jenayah oleh kerana Akta Pencegahan Jenayah 1959 adalah berkaitan dengan perkara jenayah. Dengan hormatnya, saya tidak bersetuju dengan hujahan peguambela terpelajar tersebut. Walaupun Akta tersebut membuat peruntukan mengenai pencegahan jenayah, namun tindakan yang dilakukan oleh pegawai inkuiri dan proses yang dilakukan oleh Lembaga Pencegahan Jenayah bukanlah merupakan satu prosiding atau satu perbicaraan jenayah. Tindakan yang dilakukan oleh Lembaga Pencegahan Jenayah lebih merupakan satu tugasan oleh sebuah badan berkuasa awam, yang mana dahulunya dijalankan oleh pihak eksekutif (Menteri). Akta Pencegahan Jenayah 1959 itu sendiri tidak menyatakan tujuan Akta itu adalah untuk perkara-perkara berkaitan dengan mengadakan prosiding atau satu perbicaraan jenayah. Pemohon tidak dibicarakan dan tidak disabitkan atas apa-apa kesalahan jenayah atau pertuduhan jenayah. Dalam kes *Boddington*, beliau telah dibicarakan dan disabitkan atas satu pertuduhan jenayah. Hujahan peguambela bahawa keputusan kes itu menyokong hujahan beliau adalah tidak tepat.

[14] Aturan 1 k. 2(2) yang dipetik oleh peguambela terpelajar adalah satu peruntukan am dan hanya berkaitan sekiranya permohonan pemohon melibatkan satu kes atau prosiding jenayah. Saya menegaskan bahawa prosiding di hadapan pegawai inkuiri dan prosiding di hadapan Lembaga Pencegahan Jenayah bukanlah satu prosiding jenayah. Oleh itu sebarang cabaran terhadap dapatan oleh pegawai inkuiri dan cabaran terhadap keputusan Lembaga Pencegahan Jenayah, sebuah badan awam hendaklah dimulakan melalui prosedur yang diperuntukkan di bawah A. 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012. Sebarang tindakan menyimpang daripada A. 53 adalah merupakan satu cubaan untuk mengelak dari mematuhi kehendak-kehendak di bawah A. 53 tersebut dan ianya menjadi suatu penyalahgunaan proses mahkamah.

[15] Aturan 53 k. 1(1) dan (2), adalah merupakan peruntukan yang lebih spesifik yang menyatakan A. 53 hendaklah terpakai terhadap semua permohonan yang terdapat di bawah para. 1 Jadual kepada Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dan juga relif-relif yang dipohon oleh pemohon di bawah Akta Relif Spesifik 1950. Relif yang dipohon oleh pemohon dalam notis

permohonan beliau adalah tergolong di bawah Jadual kepada Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dan juga terdapat di bawah Akta Relif Spesifik 1950. Aturan 53 k. 1(1) dan (2) menyatakan seperti berikut:

> 1. (1) This Order shall govern all applications seeking the relief specified in paragraph 1 of the Schedule to the Courts of Judicature Act 1964 and for the purposes therein specified.
>
> (2) This Order is subject to the provisions of Chapter VIII of Part 2 of the Specific Relief Act 1950 [Act 137].

dan para. 1 Jadual kepada Akta Mahkamah Kehakiman 1964 mempunyai peruntukan seperti berikut:

> 1. Writ prerogatif
>
> Kuasa bagi mengeluarkan arahan, perintah atau writ, termasuk writ yang bersifat *habeas corpus*, *mandamus*, larangan, *quo warranto* dan *certiorari*, atau lain-lain, kepada mana-mana orang atau pihak berkuasa, bagi menguatkuasakan hak-hak yang diberikan oleh Bahagian II Perlembagaan, atau mana-mana daripadanya, atau bagi apa-apa maksud.

[16] Aturan 53 k. 2(4) turut memperuntukkan bahawa seseorang yang terkilan dengan sebarang keputusan oleh pihak berkuasa awam boleh membuat permohonan melalui prosedur yang diperuntukkan di dalam A. 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 tersebut. Kaedah 2(4) tersebut memperuntukkan seperti berikut:

> 2. (4) Any person who is adversely affected by the decision of any public authority shall be entitled to make the application.

[17] Dalam kes *Robert Cheah Foong Chiew* (*supra*), YA James Foong HMR (ketika itu) telah membuat keputusan seperti berikut;

> [14] First we are of the view that the High Court in deliberating the application has applied the correct principle of law as set out in *O'Reilly v. Mackman* [1983] 2 AC 237 (and adopted by our courts in *Dato' Seri Anwar Ibrahim v. Perdana Menteri Malaysia & Anor* [2007] 4 MLJ 422 at p. 437; [2007] 3 CLJ 377 at p. 397) which is:
>
> ... it would as a general rule be contrary to public policy, and as such an abuse of the process of the court, to permit a person seeking to establish that a decision of a public authority infringed rights to which he was entitled to protection under public law to proceed by way of an ordinary action and by this means to evade the provisions of O. 53 for the protection of such authorities.

[18] Dalam kes *TR Rumah Lampoh Dana* (*supra*), YA Abdul Aziz Abdul Rahim PK (sekarang HMR) telah membuat keputusan atas isu yang sama memutuskan bahawa cabaran terhadap keputusan pihak berkuasa awam hendaklah melalui semakan kehakiman di bawah A. 53 Kaedah-Kaedah

Mahkamah Tinggi 1980 (yang terpakai pada ketika itu) dan seterusnya menyatakan mengenai kegagalan plaintif untuk berbuat demikian, seperti berikut:

> [41] Likewise in this instant case, the plaintiffs were deliberately attempting to circumvent the stringent mandatory requirement of O. 53 by filing this suit to challenge the Ministerial Direction. It would seem so because it is obvious that the plaintiffs were clearly out of time as regard the 40 days time frame provided by the rules to file for judicial review at the time the suit was filed. Furthermore the plaintiffs have not obtained any leave, and neither has the plaintiffs applied and granted any extension of time to file for judicial review after the 40 days time limit.

[19] Manakala Mahkamah Rayuan dalam kes *Ahmed Ibrahim Bilal* (*supra*), mengenai isu yang sama telah membuat keputusan seperti berikut:

> [14] The aforementioned explanation is useful in elucidating the position in this appeal. The application made on behalf of the appellant not only did not conform in procedure to the rules as enumerated above but it was also initiated as a form of criminal application suggesting an application for a writ of *habeas corpus*. However in substance the application also seeks this Court to scrutinise the steps taken by the executive arm of the government of Malaysia in removing the appellant from Malaysia under various provisions of the Immigration Act 1959/1963 and purported actions under the Extradition Act 1992.
>
> [15] The High Court has determined that the circumstances of this case warrant that O. 53 is applicable. This calls forth the speech of Lord Diplock in *O'Reilly v. Mackman* [1983] 2 AC 237 which has been described as a "canonical statement" by Prof. Sir William Wade the relevant passages of which are as follows:
>
> > My Lords, Order 53 does not expressly provide that procedure by application for judicial review shall be the exclusive procedure available by which the remedy of a declaration or injunction may be obtained for infringement of rights that are entitled to protection under public law; nor does section 31 of the Supreme Court Act 1981. There is a great variation between individual cases that fall within Order 53 and the Rules Committee and subsequently the legislature were, I think, for this reason content to rely upon the express and the inherent power of the High Court, exercised upon a case to case basis, to prevent abuse of its process whatever might be the form taken by that abuse. Accordingly, I do not think that Your Lordships would be wise to use this as an occasion to lay down categories of cases in which it would necessarily always be an abuse to seek in an action begun by writ or originating summons a remedy against infringement of rights of the individual that are entitled to protection in public law.

A The position of applicants for judicial review has been drastically ameliorated by the new Order 53. It has removed all those disadvantages, particularly in relation to discovery, that were manifestly unfair to them and had, in many cases, made applications for prerogative orders and inadequate remedy if justice was to be done. This it was that justified the courts in not treating
B as an abuse of their powers resort to an alternative procedure by way of action for a declaration or injunction (not then obtainable on an application under Order 53), despite the fact that this procedure had the effect of depriving the defendants of the protection to statutory tribunals and public authorities for which for public policy reasons Order 53 provided.
C

Now that those disadvantages to applicants have been removed and all remedies for infringements of rights protected by public law can be obtained upon an application for judicial review, as can also remedies for infringements of rights under private law if such infringements should also be involved, it would in my view as a
D general rule be contrary to public policy, and as such an abuse of the process of the court, to permit a person seeking to establish that a decision of a public authority infringed rights to which he was entitled to protection under public law to proceed by way of an ordinary action and by this means to evade the provisions of Order 53 for the protection of such authorities.
E

My Lords, I have described this as a general rule; for though it may normally the appropriate to apply it by the summary process of striking out the action, there may be exceptions, particularly where the invalidity of the decision arises as a collateral issue in a claim for infringement of a right of the plaintiff arising under private law,
F or where none of the parties objects to the adoption of the procedure by writ or originating summons. Whether there should be other exceptions should, in my view, at this stage in the development of procedural public law, be left to be decided on a case to case basis.

G [16] The hybrid nature of this application verges in effect on an abuse of the process although it has also been contended before the court below that the nature of the application has a prejudicial effect upon the respondents.

[20] Kesan kepada ketidakpatuhan pemohon terhadap cara mana atau mod
H untuk memulakan tindakan ini adalah merupakan satu penyalahgunaan proses Mahkamah. Jelas dari nas-nas di atas bahawa mod untuk permohonan pemohon sepatutnya melalui A. 53, dan bukan melalui pemfailan notis permohonan jenayah seperti yang telah dipilih oleh pemohon. Apabila berlakunya penyalahgunaan proses mahkamah, maka tindakan pemohon wajarlah dibatalkan atas sebab ianya mendatangkan ketidakadilan kepada
I pihak responden-responden (lihat kes *Heng Peo* (*supra*)).

[21] Atas alasan-alasan tersebut di atas, saya memutuskan tindakan pemohon memfailkan notis permohonan jenayah untuk mencabar keputusan Lembaga Pencegahan Jenayah dan tidak melalui semakan kehakiman di bawah A. 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 adalah satu penyalahgunaan proses mahkamah dan wajar dibatalkan. Oleh itu saya menegakkan isu bantahan awalan oleh Peguam Kanan Persekutuan. Dengan itu saya memerintahkan supaya permohonan pemohon di sini hendaklah dibatalkan.